

Prasarana tuntutan pampasan RM38j daripada pemaju

Kuala Lumpur: Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) akan mengambil tindakan undang-undang bagi menuntut pampasan berjumlah RM38 juta terhadap syarikat pemaju dan pemilik tapak pembinaan sebuah hotel yang didakwa menjadi punca gangguan operasi stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Bandaraya dan Masjid Jamek.

Projek pembinaan berkenaan dipercayai punca kerosakan struktur jejambat dan keretakan pada tiang berhampiran stesen terbabit sekali gus menjejaskan perkhidmatan lebih setahun.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata jumlah tuntutan itu membabitkan kos terpaksa ditanggung oleh Prasarana seperti perbelanjaan kerja-kerja pembaikan dan penyediaan perkhidmatan bas sementara sepanjang tempoh stesen ditutup.

“Sudah tentu kos terbabit perlu dibayar Prasarana akan menuntut daripada pihak pemaju dan pihak pemilik tapak. Proses ini membabitkan proses undang-undang.

“Untuk kita menuntut pampasan daripada pemaju, kita akan tun-

tut daripada pemaju dan kita akan serahkan kepada Prasarana untuk melaksanakan kerana arahan daripada Kementerian Pengangkutan (MoT) untuk kita laksanakan dulu kerja pembaikan dan selepas itu, kita buat tuntutan pampasan.

“Kalau kita tunggu sebelum kita buat kerja, sudah tentu (terdapat) gangguan lebih lama kita perlu tanggung. Jadi apa yang kita laksanakan, kita buat dulu kerja pembaikan dan selepas itu, kita menuntut pampasan,” katanya pada sidang media semalam.

Terdahulu, Loke meninjau hari pertama pembukaan perkhidmatan LRT Laluan Ampang dan Sri Petaling yang sebelum ini terjejas kerana ditutup, selepas berlaku kerosakan pada struktur berhampiran Stesen LRT Bandaraya.

Sebuah projek pembinaan hotel 44 tingkat didakwa menjadi penyebab kerosakan berhampiran landasan stesen LRT Bandaraya sehingga menjejaskan perkhidmatan, didakwa tidak mematuhi Garis Panduan Zon Perlindungan Rel daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Mengikut peraturan Seksyen 8 bawah Peraturan Kereta Api 1998 (Zon Keselamatan Kereta Api), sebarang projek pembinaan di zon keselamatan kereta api perlu mendapatkan kelulusan daripada APAD sebelum kebenaran dikeluarkan agensi itu selepas siap kajian.

Syarat ditetapkan APAD

Mengikut syarat ditetapkan APAD, asas kerja yang dilakukan di penimbun (buffer) pertama perlu mematuhi jarak 60 meter daripada tiang, sementara penimbun kedua mesti berkedudukan 45 darjah daripada cerucuk.

Prosedur merangkumi pelbagai aspek seperti teknikal dan geoteknik itu bagi melihat dan memastikan tiada implikasi terhadap infrastruktur ataupun terhadap keselamatan kereta api.

Mengulas projek pembinaan berdekatan struktur stesen berkenaan, Loke menegaskan pihaknya akan terus memantau perkembangan pembangunan di tapak berkenaan.

Sama ada projek pembangunan terbabit akan diteruskan atau tidak, beliau berkata ia di luar

bidang APAD kerana terletak di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Tetapi sekiranya projek ini diteruskan, syarat-syarat yang ketat perlu kita letakkan supaya gangguan ini dan kerosakan ini tidak berulang sama sekali.

“Kita amat kesal dengan apa berlaku kerana setahun kita terpaksa menutup laluan antara kedua-dua stesen ini. Kita terpaksa ambil iktibar.

“Justeru, pihak Prasarana akan memantau lebih dekat sebarang kerja pembinaan dekat Stesen Bandaraya ini atau di mana-mana stesen ini akan jadi pengajaran kepada kita, supaya lebih berhati-hati,” katanya.

Loke juga menasihati pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya memastikan mana-mana tapak pembinaan berdekatan atau dalam lingkungan Zon Perlindungan Kereta Api mendapat kebenaran daripada APAD.

Beliau bimbang akan berlaku kerosakan pada struktur di stesen berdekatan yang boleh menjejaskan operasi perkhidmatan pengangkutan awam.

Mana-mana tapak pembinaan

berdekatan dengan stesen pengangkutan awam, mesti mengambil kira faktor keselamatan dan memastikan sebelum sesuatu kelulusan diberikan, pihak APAD dan Prasarana mesti dimaklumkan dan dilibatkan sebelum sesuatu projek itu diluluskan.

Apabila membabitkan apa-apa stesen rel ini, kita harap pihak PBT lebih berhati-hati dan merujuk kepada APAD dan Prasarana supaya ada kajian serta pemantauan lebih rapi dapat dilaksanakan.

“Maka syarat ketat perlulah dipatuhi dan kita harap ada kerjasama dengan semua pihak PBT,” katanya.

Mengenai sama ada DBKL cuai dalam memberi kebenaran kepada pemaju untuk menjalankan pembinaan di tapak berhampiran Stesen LRT Bandaraya, Loke berkata pihak pemaju tidak mematuhi syarat yang dikeluarkan dengan memulakan projek tanpa kelulusan daripada APAD.

Mengikut ketetapan prosedur, beliau berkata sepatutnya syarikat pemaju memulakan pembinaan selepas mendapat kelulusan daripada APAD.